NOTIS

PAKEJ MAKLUMAT PEMOHON NO. 1 TAHUN 2026 BAGI PENGUNTUKAN SPEKTRUM DALAM JALUR FREKUENSI 900 MHz DAN 2600 MHz

CYBERJAYA, 20 Ogos 2026 -- Menurut Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan Pakej Maklumat Pemohon No. 1 Tahun 2026 (AIP) pada 14 Ogos 2026 kepada pihak yang layak bagi permohonan penguntukan spektrum dalam jalur frekuensi 900 MHz dan 2600 MHz.

AIP menetapkan keperluan, tatacara dan terma berkaitan bagi pelaksanaan proses permohonan penguntukan spektrum. Proses penguntukan spektrum ini bertujuan untuk menyokong peningkatan berterusan perkhidmatan 4G sedia ada serta penggunaan sumber spektrum secara cekap dan berkesan.

Pihak yang layak telah dipelawa untuk mengemukakan permohonan masing-masing selaras dengan keperluan, tatacara dan garis masa yang ditetapkan dalam AIP.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.
(Perhatian: Bahagian Perancangan Spektrum dan Penguntukan)
Tel: +603 8688 8000
E-mel: spectrum.aip@mcmc.gov.my